

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KELANTAN**



**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

2.

**NO SEBUT HARGA : JPS/PP/PPPP/SH/12/2026(N)**

**TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA MENSTABIL TEBING SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SUNGAI GALI, KG. ALOR PASIR PUTEH KELANTAN**

3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK di bawah bidang berikut:

<b>Gred</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pengkhususan</b>
<b>G1</b>	<b>CE</b>	<b>CE21</b>

4. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Jabatan Pengairan Dan Saliran Pasir Puteh, Jalan Jelor, 16800 Pasir Puteh, Kelantan mulai dari 03/06/2026 (Rabu).
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran ASAL (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
6. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Tunai/Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf berharga RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja) yang dibuat atas nama Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sebagai bayaran dokumen sebut harga.
7. Taklimat dan Lawatan Tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada 03/06/2026 (Rabu) pada jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Nilam, Jabatan Pengairan Dan Saliran Pasir Puteh, Jalan Jelor, 16800 Pasir Puteh, Kelantan.
8. Bagi sesi taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ Syarikat TIDAK BOLEH mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK/ SPKK/ PUKONSA atau UPKJ. (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 1 Jun 2025).
9. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KELANTAN**



**NOTIS SEBUTHARGA**

10. Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.
11. Sebut harga ini akan ditutup pada 10/06/2026 (Rabu). Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Pengairan Dan Saliran Pasir Puteh, Jalan Jelor, 16800 Pasir Puteh, Kelantan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.
12. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Tandatangan : 

Nama : **MOHD SABRI BIN SIDEK**

Jawatan : Timbalan Pengarah

Tarikh : **JPS Negeri Kelantan**

24/5/2026